

28 AUG 1996

Fokus Berita

PERTUMBUHAN TINGGI KUNCI KEPADA HUBUNGAN ERAT SINGAPURA-MALAYSIA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 28 Ogos (Bernama) -- Adakah pertumbuhan tinggi yang dinikmati oleh Singapura dan Malaysia sejak sedekad lalu menjadikan kedud-dua ekonomi bertenaga ini sebagai rakan atau pesaing?

Singapura, satu-satunya anggota Asean yang telah mencapai taraf ekonomi perindustrian baru (NIE), telah menetapkan sasaran taraf hidup sama seperti Switzerland pada tahun 1999 manakala Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Kedua-dua negara bangga dengan catatan pertumbuhan purata lapan peratus sejak lima tahun lalu. Tenaga penggerak mereka ialah kedayasaan.

Malaysia ialah antara enam pencapai terbaik dalam rantau Asia Pasifik yang mencatatkan pertumbuhan sebenar yang lebih tinggi dan inflasi yang rendah dalam 1995, demikian menurut laporan terbaru Pacific Economic Outlook (PEO) yang dikeluarkan oleh Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik, sebuah pertubuhan bukan kerajaan berpangkalan di Singapura yang memberi tumpuan kepada menggalakkan kerjasama ekonomi dalam Lingkaran Pasifik.

Menurut laporan itu, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia nampaknya amat menggalakkan tetapi ia dijangka menjadi perlahan kepada 8.9 peratus dalam 1996 daripada kadar tinggi 9.6 peratus dalam 1995 dan turun dengan tenteram kepada 8.6 peratus dalam 1997.

Kedua-dua Malaysia dan Singapura telah diletakkan dalam senarai 10 ekonomi paling atas dalam indeks kedayasaan World Economic Forum (WEF) untuk Asia Timur, bersama-sama dengan Hong Kong dan Taiwan.

Laporan kedayasaan dunia WEF 1996 meletakkan Malaysia di tangga ke-10 daripada 49 ekonomi yang dikaji, dengan Singapura muncul sebagai ekonomi paling berdayasaing diikuti oleh Hong Kong dan New Zealand. Singapura, China dan Malaysia adalah tiga negara Asia Timur yang menyerap lebih banyak pelaburan asing secara langsung sebagai satu perkongsian KDNK berbanding negara-negara lain di dunia.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempertingkatkan lagi kedayasaan ekonominya, Malaysia mengamalkan satu dasar pengliberalan yang progresif sebagai satu komponen utama dalam strategi ekonominya.

Antara langkah dasar untuk mewujudkan satu persekitaran pelaburan yang liberal dalam sektor pembuatan, kerajaan membenarkan pemegangan saham milik penuh asing dalam firma-firma berorientasikan eksport dan bagi mereka yang mengeksport 50 peratus atau lebih keluaran mereka, tertakluk kepada keperluan-keperluan tertentu.

Kerajaan juga melonggarkan dasar mengenai pengambilan kerja pegawai asing dalam jawatan pengurusan dan teknikal.

Dalam sektor perkhidmatan, pengliberalan lanjut diperkenalkan untuk membolehkan peningkatan ekuiti asing dalam syarikat-syarikat insurans dan syarikat pengurusan dana.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Singapura juga telah mengalihkan usaha ke arah mempertingkatkan kedayasaan industri-industri perkhidmatannya. Bagi industri telekomunikasi, terutamanya, ia mengumumkan rancangan untuk mempercepatkan pengliberalan yang akan membolehkan penyertaan asing dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang ditambah nilai.

Menteri Kanan Lee Kuan Yew berkata persaingan yang kuat dalam rantau ini untuk mendapatkan pelaburan asing juga telah menawarkan peluang-peluang kepada Singapura untuk melabur dalam ekonomi-ekonomi serantau yang pesat membangun.

Kejayaan NIE di Asia mengakibatkan jiran-jiran Singapura melakukan perubahan asasi strategi, katanya kepada perhimpunan kedua para ketua eksekutif dan majikan Persekutuan Majikan-majikan Kebangsaan Singapura di sini baru-baru ini.

Lee, yang menerajui Singapura dari 1959 hingga 1990, berkata Singapura telah mengatasi batasannya dari segi saiz penduduk dan sumber-sumber asli kerana ia berani menentang kebijaksanaan lazim. Ekonomi Singapura berprestasi baik dari 1986 hingga 1995 dengan per kapita dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) lebih daripada berganda daripada S\$14,700 juta kepada S\$35,000 juta. (S\$1=RM1.768)

Anak beliaunya, Lee Hsien Loong, yang juga Timbalan Perdana Menteri, memberitahu serombongan wartawan Malaysia baru-baru ini bahawa, dari segi politik, ia telah dapat mengekalkan kestabilan.

Dari segi ekonomi, Singapura berprestasi amat baik. Selama dua tahun, ia diletakkan di tangga teratas senarai 10 ekonomi dari segi kedayasaingan di Timur Jauh dan ini, katanya, adalah terpuji memandangkan ia tidak mempunyai sumber minyak.

"Kami selalu bercita-cita tinggi dan kami yakin untuk mengekalkan pertumbuhan pada kadar antara enam dan lapan peratus, walaupun dalam 1991 KNK kami ialah enam peratus, yang tidak pun merupakan satu kemerosotan," tambahnya.

Pada masa yang sama, rantau Asia Pasifik begitu ghairah dengan China, India dan Myanmar menawarkan prospek-prospek dagangan yang merangsangkan. "Jika kami dapat mengejar ombak, kami akan mencapai haluan itu," katanya.

Hsien Loong berkata bahawa adalah lebih senang untuk membina hubungan bila kedua-dua Malaysia dan Singapura menjadi negara maju meskipun dari masa ke masa akan timbul masalah. "Kita tidak boleh hapuskan sejarah (kita) sama sekali," tambahnya.

Sebenarnya, kebanyakan pemimpin yang diwawancara memuji ekonomi Malaysia yang bertenaga itu, terutama sekali di bawah kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Satu lagi bentuk kerjasama ialah segitiga pertumbuhan yang ditubuh antara Singapura, Johor dan Wilayah Riau di Indonesia.

Syarikat-syarikat yang melabur dalam segitiga pertumbuhan boleh mengambil kesempatan daripada kelebihan-kelebihan saling menyokong ketiga-tiga negara dengan menempatkan ibupejabat perniagaan dan pembuatan ditambah nilai tinggi di Singapura dan pembuatan berintensifkan sumber di kepulauan Riau atau Johor.

"Wawasan 2020" Dr Mahathir yang akan meletakkan Malaysia di atas landasan ke taraf negara industri akan menghasilkan hubungan lebih kukuh antara Malaysia dan Singapura, kata mereka.

"Singapura 2000" pula menyuarakan hasrat dan cita-cita republik kecil ini untuk menjadi sebuah negara maju dalam liga pertama dan menggariskan strategi untuk mencapai matlamat itu pada penghujung abad ini.

Para pemimpin Singapura, termasuk pegawai-pegawai utama Penguasa Pelabuhan Singapura (PSA), melihat dengan positif cadangan Dr Mahathir untuk menggantikan tambak yang menghubungkan kedua-dua negara dengan sebuah jambatan.

Rancangan Malaysia untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama negara dan sebagai pilihan lain kepada pelabuhan Singapura juga disambut baik. Mereka berkata bahawa sebarang perkembangan positif di Malaysia akan memberi kesan yang baik kepada pertumbuhan Asia kerana "agihan kekayaan semakin berkembang."

Empat daripada lima pelabuhan utama dunia berada dalam Asia, iaitu, Hong Kong, Singapura, Kaohsiung di Taiwan dan Pusan di Korea Selatan. --

BERNAMA

SS SIA

